

Beri perhatian masalah disiplin bendung jenayah

u.m MS 24 6/02/07

Oleh ZABRY MOHAMAD

KUALA LUMPUR 5 Feb. - Semua peringkat kepimpinan medan Tentera Darat diingatkan supaya memberi perhatian serius terhadap tahap disiplin anggota masing-masing bagi membendung kes jenayah yang kini semakin meningkat di kalangan mereka.

Panglima Medan Tentera Darat, Leftenan Jeneral Datuk Masood Zainal Abidin berkata, walaupun bilangan kes sedemikian masih rendah, paparan mengenainya di dalam media cetak telah menjejaskan imej organisasi.

"Pencemaran disiplin yang melibatkan kesalahan jenayah seperti membunuh, merogol, sumbang mahram dan merompak sering kali kita lihat di media cetak melibatkan warga medan Tentera Darat.

"Walaupun ia merupakan kejadian terencil, peningkatannya sedikit-sebanyak telah menjejaskan profil dan imej kita," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada perbarisan serah terima tugas Panglima Medan Tentera Darat kepada penggantinya, Leftenan Jeneral Datuk Zulkifeli Mohd. Zin di Kem Sungai Besi di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Panglima Tentera Darat, Jeneral Datuk Muham-

mad Ismail Jamaluddin.

Massod dilantik sebagai Timbalan Panglima Tentera Darat pada 31 Januari lalu.

Menurutnya, masalah disiplin dapat dibendung sekiranya setiap peringkat lapisan kepimpinan mengambil berat dan mengenali setiap anggota di bawah pemerintahan masing-masing.

Katanya, akan terdapat masalah atau isu yang akan timbul dari semasa ke semasa.

Bagaimanapun tambah beliau, warga pemerintahan medan Tentera Darat harus menanganinya secara bijaksana dan sebaik mungkin.

"Budaya tegur menegur di antara satu sama lain hendaklah dihayati seperti mana yang kerap saya ungkap sebelum ini, yang salah diperbetulkan, yang tidak tahu diberitahu, yang kotor dibersihkan dan yang lemah diperkuatkan," katanya.

Beliau juga menyeru warga pemerintahan medan Tentera Darat supaya memperluaskan diri dengan ilmu pengetahuan dalam bidang berkaitan dan mengamalkan budaya pembelajaran sepanjang hayat.

Terdahulu beliau memeriksa perbarisan terdiri daripada 18 pegawai dan 350 anggota lain-lain pangkat yang diketuai Leftenan Kolonel Mohamed Khamir Abd. Ghani.



MASOOD Zainal Abidin (kiri) menyerahkan tongkat kuasa kepada Zulkifeli Mohd. Zin selepas perbarisan serah terima tugas Panglima Medan Tentera Darat di Kem Sungai Besi, Kuala Lumpur, semalam.